



**PROSEDUR AM OPERASI STANDARD (SOP)  
PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENULARAN COVID-19  
SEMASA KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI  
MALAYSIA (SUKUM) TAHUN 2022**

Disediakan	Disemak dan Disahkan
Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPM	Jawatankuasa Induk Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2022
Tarikh : 8 September 2022	Tarikh : 12 September 2022

## **1.0 TUJUAN**

Prosedur ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pencegahan dan kawalan penularan COVID-19 semasa pelaksanaan Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Tahun 2022

## **2.0 PEMAKAIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)**

- 2.1** SOP ini bertujuan menjelaskan tatacara menguruskan isu COVID-19 kepada **SEMUA** individu semasa Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Tahun 2022 selaras dengan:
  - 2.1.1.** Prosedur Operasi Standard : Fasa Peralihan Ke Endemik (Tarikh Kemas kini 1 Mei 2022);
  - 2.1.2.** Garis Panduan *Reopening Safely* Aktiviti dan Fasiliti Sukan, Rekreasi dan Riadah (Tarikh Kemas kini 1 April 2022);
  - 2.1.3.** Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Tahun 2022 pada 05 September 2022.
- 2.2** Pemakaian SOP ini tertakluk juga kepada SOP terkini yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Malaysia.
- 2.3** Penganjuran Kejohanan/ pertandingan/ acara sukan dan rekreasi melibatkan perkhidmatan agensi sektor awam dibenarkan bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin.

## **3.0 TANGGUNGJAWAB**

- 3.1** Prosedur ini terpakai kepada SEMUA yang menghadiri dan bertugas semasa pelaksanaan Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).
- 3.2** Hanya individu dengan status MySejahtera Risiko Rendah (*Low Risk*) dan tidak bergejala covid-19 dibenarkan terlibat dalam SUKUM.
- 3.3** Semua individu terlibat perlu memastikan Aplikasi MySejahtera (Profil) dikemaskini dan dipamerkan kepada petugas apabila diminta berbuat demikian.

## **4.0 PENGANJURAN TIDAK DIBENARKAN JIKA:**

- 4.1** Risiko penularan adalah pada tahap yang tinggi dan berlaku kesukaran untuk mengawal keadaan di mana terdapat terlalu ramai orang pada satu-satu masa semasa SUKUM berlangsung.
- 4.2** Mendapat arahan pembatalan dari pihak MKN atau KKM.

## TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

Perkara	Penerangan Ringkas
Pengurusan <i>venue</i> perlawanan di ruang tertutup ( <i>indoor</i> ) seperti Dewan, Bilik, Kaunter dan ruang seumpama dengannya.	<p><b><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan <i>venue</i> perlawanan adalah mengikut kapasiti penuh dan perlu mengawal kemasukan penonton ke <i>venue</i> perlawanan.</li> <li>2. Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik.</li> <li>3. Cecair pembasmi kuman disediakan di tempat-tempat strategik di kawasan dewan, bilik, kaunter pendaftaran dan ruang yang digunakan.</li> <li>4. Semua Jawatankuasa dan Urus Setia digalakkan memakai pelitup muka sepanjang majlis berlangsung (mengikut kesesuaian aktiviti).</li> <li>5. Pegawai penyelaras hendaklah memastikan laluan keluar masuk <i>venue</i> dikawal dan lancar serta tidak berlaku kesesakan.</li> <li>6. Peralatan sukan dan tempat kemudahan yang disyakki tercemar mesti menjalani proses pembersihan atau disinfeksi selepas digunakan. Ketua pasukan perlulah memberitahu dengan kadar segera jika mengesyaki potensi terdapatnya sebarang kemungkinan penularan di kawasan yang dikenalpasti. Pegawai penyelaras pasukan hendaklah memastikan dan berada di <i>venue</i> ketika proses pembersihan atau disinfeksi dijalankan.</li> </ol>
Pengurusan Majlis Rasmi (Pembukaan, Penutup & Penyampaian Hadiah)	<p><b><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan dewan adalah mengikut kapasiti penuh dan perlu mengawal kemasukan individu yang terlibat.</li> <li>2. Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik.</li> <li>3. Cecair pembasmi kuman disediakan di pintu masuk lokasi majlis rasmi.</li> <li>4. Semua individu terlibat digalakkan memakai pelitup muka sepanjang majlis berlangsung (mengikut lokasi majlis dan kesesuaian).</li> <li>5. Urusetia hendaklah memastikan laluan keluar masuk majlis dikawal dan lancar serta tidak berlaku kesesakan.</li> </ol>

Perkara	Penerangan Ringkas
Pengurusan Majlis Rasmi (Pembukaan, Penutup & Penyampaian Hadiyah)	<p><b><u>Tindakan Pemain dan Pegawai terlibat</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengambil kedudukan seperti yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa dan urus setia.</li> <li>2. Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di dewan.</li> <li>3. Kekal berada di tempat duduk masing-masing sehingga kebenaran untuk keluar diberikan oleh urus setia</li> <li>4. Bangun dan keluar secara teratur mengikut aturan dan arah yang telah ditetapkan.</li> <li>5. Semua individu terlibat digalakkan memakai pelitup muka sepanjang majlis berlangsung (mengikut lokasi majlis dan kesesuaian).</li> <li>6. Disarankan mengamalkan penjarakan fizikal.</li> </ol>

<b>Perkara</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Pengoperasian Perlawanan (sebelum)	<p><b><u>Ujian Saringan Kesihatan dan Vaksinasi</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petugas dan pemain yang telah mendapat lengkap dos primer vaksinasi dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam perlawanan. Individu yang tiada vaksinasi dan memerlukan sebarang khidmat nasihat boleh menghubungi Bilik Gerakan COVID-19 UPM di talian 03-9769 7999.</li> <li>2. Pemain hendaklah melakukan pemeriksaan kesihatan menggunakan Borang Pemeriksaan Kesihatan SUKUM 2022 yang disahkan oleh pengamal perubatan dan mendapatkan pengesahan sihat dan cergas serta layak untuk bermain/ terlibat dalam perlawanan berkaitan.</li> <li>3. Adalah menjadi tanggungjawab kendiri semua petugas dan pemain, membuat ujian pengesahan COVID-19 menggunakan kit ujian pantas antigen atau <i>Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag)</i> sekiranya mengesyaki diri mereka tidak sihat.</li> <li>4. Individu yang +ve hendaklah memaklumkan dengan kadar segera kepada Bilik Gerakan COVID-19 UPM di talian 03-97697999 dan mengisi borang pemakluman di pautan <a href="https://forms.gle/mRV7c4SJD81g7XH17">https://forms.gle/mRV7c4SJD81g7XH17</a> untuk tindakan selanjutnya diambil.</li> </ol>
<b>Perkara</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Pengoperasian Perlawanan (sebelum)	<p><b><u>Penilaian Harian</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurus Pasukan bertanggungjawab memastikan ahli pasukan yang terlibat sihat dan tidak bergejala sebelum perlawanan. Sekiranya ahli pasukan bergejala, laksanakan penilaian kendiri sebelum hadir ke <i>venue</i> perlawanan dan hendaklah di bawa segera ke klinik atau hospital berhampiran.</li> </ol>
Pengoperasian Perlawanan (semasa)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkongsian sebarang peralatan peribadi seperti botol minuman, tuala muka, tuala mandi atau alatan peribadi antara pemain adalah TIDAK DIBENARKAN.</li> <li>2. Pasukan pemain dan penonton hendaklah berada di kedudukan seperti yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa dan urus setia.</li> <li>3. Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di <i>venue</i> perlawanan.</li> <li>4. Penonton digalakkan memakai pelitup muka terutama jika penjarakan fizikal tidak boleh dilaksanakan.</li> </ol>

<b>Pengoperasian Perlawaan (selepas)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penonton, pegawai, pemain, dan petugas hendaklah keluar dari <i>venue</i> perlawaan secara teratur.</li> <li>2. Semua yang terlibat disarankan untuk mengelak dari bersalaman atau bersentuhan dan elakkan tempat sesak.</li> <li>3. Digalakkan kekal memakai pelitup muka.</li> </ol>
--	--

<b>Perkara</b>	<b>Tindakan Kecemasan</b>
Pesakit Jangkitan Covid (Penganjur)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebarang kes jangkitan Covid-19 perlu dimaklumkan kepada sekretariat SUKUM dan dilaporkan kepada JK Keselamatan &amp; Kesihatan Pekerjaan SUKUM 2022 untuk tindakan selanjutnya.</li> </ol>